



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUSETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENERBIT TINGKAT I (C.3-4 EB.5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PENERBIT TINGKAT I
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LIMA (05)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Advertising, Multimedia and Broadcasting / Art / Audio, Video and Broadcast Technology / Business / Computer Networking / Computer Studies / Design / Digital Media / Economics / Electronic / Geography / Industrial Studies / Information Technology / International Relations / International Studies / Journalism / Kesenian / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Linguistik / Mathematics / Media Production / Media Studies / Media Studies Television Production / Media Technology / Multimedia / Masyarakat dan Budaya Brunei / Pengajian Brunei / Post Production for TV and Film / Professional Communication and The Media / Public Affairs / Sains / Sejarah / Sastera / Seni Kreatif / Syariah / Undang-Undang / Usuluddin* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Dimestikan lulus ujian kelayakan yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;



3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan;
4. Mempunyai suara yang sesuai sebagai pengacara di radio adalah kelebihan;
5. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
6. Mempunyai minat dan pengetahuan yang mendalam dan meluas mengenai hal ehwal penerbitan rancangan, hal ehwal semasa dan hal ehwal media penyiaran;
7. Mempunyai pengalaman yang luas dalam menerbitkan rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa sama ada secara siaran langsung ataupun rakaman adalah kelebihan;
8. Mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa adalah kelebihan;
9. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan;
10. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam mengolah dan menghasilkan penerbitan yang berkualiti adalah kelebihan;
11. Mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar adalah kelebihan;
12. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik disamping boleh menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai / kakitangan di bawah jagaan adalah kelebihan;
13. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam proses penerbitan rancangan termasuk dalam suasana tegang adalah kelebihan;
14. Berkeupayaan mengawal dan menguruskan hal ehwal perbelanjaan peruntukan dengan menghasilkan produktiviti yang berkualiti dan menepati kehendak dan matlamat Jabatan adalah kelebihan;
15. Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara;



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA

1. Bertanggungjawab kepada Penerbit Kanan yang berkenaan dalam sama-sama menerbitkan rancangan bagi Bahagian Berita dan Hal Ehwat Semasa yang telah dirancang sepanjang tahun termasuk rancangan di bawah projek khas seperti Memorandum Persefahaman;
2. Merancang dan menyelenggara kerja-kerja penyelidikan, membuat skrip, memilih dan menentukan penyumbang rancangan, menempah kemudahan teknikal dan set serta tugas-tugas lain berkaitan hal ehwal penerbitan;
3. Menjalankan tugas penerbitan bagi siaran televisyen di studio, siaran luar dan lokasi rakaman luar di bawah kawalan Bahagian Berita dan Hal Ehwat Semasa termasuk program berbentuk berita dan hal ehwal semasa;
4. Melaksanakan tugas pengarah dan penyuntingan bahan siaran termasuk penyediaan pakej program (*filler*) yang perlu disisipkan dalam rancangan berkenaan;
5. Memastikan rancangan yang diterbitkan memenuhi dan menepati kehendak kualiti dan kuantiti perancangan berkenaan;
6. Mengawal perbelanjaan rancangan yang diterbitkan;
7. Menyediakan jadual rakaman, tayangan dan tapisan bagi rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh unit di bawah jagaannya dan memastikan tarikh-tarikh tersebut ditepati; dan
8. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN RANCANGAN TELEVISYEN

1. Bertanggungjawab kepada Penerbit Kanan yang berkenaan dalam sama-sama menerbitkan rancangan bagi Bahagian Rancangan Televisyen yang telah dirancang sepanjang tahun termasuk rancangan khas, bermusim dan projek di bawah Memorandum Persefahaman;



2. Merancang dan menyelenggara kerja-kerja penyelidikan, membuat skrip, memilih dan menentukan penyumbang rancangan, menempah kemudahan teknikal dan set serta tugas-tugas lain berkaitan hal ehwal penerbitan;
3. Menjalankan tugas penerbitan bagi siaran televisyen di studio, siaran luar dan lokasi rakaman luar;
4. Memastikan rancangan yang diterbitkan memenuhi dan menepati kehendak kualiti dan kuantiti perancangan berkenaan;
5. Mengawal perbelanjaan rancangan yang diterbitkan mengikut keperluan penerbitan dan peraturan yang berkuat kuasa;
6. Menyediakan jadual rakaman, tayangan dan tapisan bagi rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh unit dibawah jagaannya dan memastikan tarikh-tarikh tersebut ditepati; dan
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN RANCANGAN RADIO

1. Bertanggungjawab kepada Penerbit Kanan yang berkenaan dalam sama-sama menerbitkan rancangan bagi Bahagian Rancangan Radio yang telah dirancang sepanjang tahun termasuk rancangan harian, mingguan dan bulanan serta projek khas di bawah Memorandum Persefahaman;
2. Ditugaskan sebagai penyampai rancangan radio (Deejay) serta melaksanakan tugas-tugas *continuity* termasuk penerbitan rancangan bagi rangkaian radio yang berkenaan;
3. Melaksanakan tugas sebagai juruulas, juruacara majlis dan *voice over* bila diperlukan;
4. Merancang dan menyelenggara kerja-kerja penyelidikan, membuat skrip, memilih dan menentukan penyumbang rancangan dan menempah kemudahan teknikal serta tugas-tugas lain berkaitan hal ehwal penerbitan;
5. Menjalankan tugas penerbitan bagi siaran radio di studio atau lokasi luar sama ada secara langsung atau rakaman;



6. Memastikan rancangan yang diterbitkan memenuhi dan menepati kehendak kualiti dan kuantiti perancangan berkenaan serta kesesuaian kandungan dengan dasar penyiaran dan sasaran pendengar;
7. Mengawal perbelanjaan rancangan yang diterbitkan;
8. Menyediakan jadual rakaman dan tapisan bagi rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh unit di bawah jagaannya dan memastikan tarikh-tarikh tersebut ditepati;
9. Menyediakan muzik, klip *audio* dan bahan siaran termasuk tapisan keatas perkara-perkara tersebut;
10. Mengendalikan sistem penyiaran dan kerja-kerja penyuntingan audio menggunakan sistem yang disediakan; dan
11. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.